

Paria: Fahami maksud Perdana Menteri

PUTRAJAYA 28 Ogos - Pihak tertentu dinasihatkan agar tidak terlalu beremosi sebaliknya bersikap lebih rasional serta memahami konteks sebenar penggunaan perkataan paria oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkataan paria membawa maksud berbeza dalam bahasa Inggeris dan ia tidak merujuk kepada kasta orang India.

"Dalam bahasa Inggeris berbeza (maksud), paria ini bukan pasal paria India, pasal awak ini tidak boleh berfikir, itu maksudnya, jadi kita tidak tahu dalam konteks apa yang dimaksudkan Perdana Menteri

"Jadi jangan terlebih emosi, jadi rasional, laporan polis dibuat terhadap Perdana Menteri tidak wajar, mungkin ada

salah tafsir, patut tanya balik kepada Perdana Menteri, apakah (maksud) beliau.

"Bila tidak puas hati mereka buat laporan, kemudian jadi kerja saya pula untuk siasat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Sambutan Hari Kebangsaan ke-62 peringkat Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai laporan polis yang dibuat ahli PKR semalam terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung penggunaan perkataan paria yang didakwa mengguris perasaan kaum India.

Semalam, wakil PKR Kapar, V. Maneyvannan bersama tiga individu menuntut Dr. Mahathir memohon maaf secara terbuka dan menggesa Ketua Polis Negara mengambil tindakan sewajarnya dengan segera.

Perdana Menteri pada Isnin lalu dilaporkan berkata, kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) tidak boleh dilayan seperti 'paria' dan digesa menghentikan operasi serta keluar dari Malaysia.

Dr. Mahathir berkata, tindakan sedemikian hanya memburukkan keadaan kerana ia bakal merencatkan usaha menarik pelaburan langsung asing ke negara ini.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, masyarakat India di negara ini cerdik dan pandai, justeru perkara berkenaan tidak perlu dijadikan isu.

"Jadi, ini soal maksud konteks apa yang disebut dan bukannya apa yang anda percaya, kerana bila sebut paria jangan kita ingat paria itu merujuk kepada kaum India, ini tidak betul," katanya.